

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : SENATOR TAN SRI HAJI MOHAMAD FATMI
BIN CHE SALLEH**

TARIKH : 3 DISEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan konkrit yang diambil untuk mengatasi kelewatan dalam projek LRT3 yang dilaporkan melibatkan kos yang lebih tinggi daripada anggaran asal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek LRT3 pada asalnya dijadualkan untuk disiapkan pada 1 Mac 2025. Namun begitu, disebabkan oleh beberapa faktor di luar kawalan, tarikh siap projek tersebut telah ditunda kepada suku ketiga tahun 2025. Antara faktor-faktor yang menyumbang kepada kelewatan ini termasuklah impak pandemik Covid-19 yang pada ketika itu menyebabkan kekurangan tenaga buruh mahir dan separa mahir, kenaikan harga bahan asas pembinaan terutamanya besi, serta kekurangan bahan binaan seperti pasir dan simen di pasaran tempatan. Selain itu, terdapat juga kelewatan dalam penyiapan struktur sokongan oleh pihak ketiga yang turut terkesan akibat pandemik tersebut.

2. Kelewatan yang dialami projek ini telah dimitigasi oleh Kontraktor Utama melalui beberapa langkah proaktif, antaranya penyusunan jadual dan tatakkerja, penjadualan semula tugas pekerja-pekerja pembinaan, serta peruntukan dana tambahan sementara kepada sub-kontraktor bagi pembelian bahan asas pembinaan. Kontraktor Utama juga telah mengambil alih skop kerja sub-kontraktor yang bermasalah dan melaksanakan beberapa langkah lain seperti pengubahsuaian reka bentuk binaan dan penyusunan semula keutamaan kerja sistem rel. Memandangkan kontrak pelaksanaan projek LRT3 ini adalah berdasarkan Kontrak Harga Tetap (*Fixed Price Contract*), kelewatan ini tidak akan menyebabkan sebarang pertambahan jumlah kos projek.

Sekian, terima kasih.